



**KENYATAAN MEDIA
PENGARAH
JABATAN AGAMA ISLAM MELAKA**

**GARIS PANDUAN PENGIMARAHAN MASJID DAN SURAU NEGERI MELAKA
SEPANJANG TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 2**

PENDAHULUAN

1. Kerajaan Malaysia telah mengumumkan bahawa Negeri Melaka memasuki fasa 2 Pelan Pemulihan Negara, sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri Melaka melalui Jabatan Agama Islam Melaka telah bersetuju mengeluarkan ketetapan baru berkaitan aktiviti pengimarahannya dan jumlah maksimum jemaah solat fardhu, solat Jumaat dan solat jenazah di masjid dan surau di Negeri Melaka.

JUMLAH MAKSIMUM JEMAAH DI MASJID DAN SURAU

2. Ketetapan bagi jumlah maksimum jemaah solat Jumaat, solat fardhu dan solat jenazah di masjid dan surau negeri Melaka adalah sebagaimana berikut:
 - i. **Masjid kerajaan – Maksimum 500 orang** yang terdiri dari pegawai masjid dan jemaah dengan kaedah yang ditentukan oleh jawatankuasa. Walaupun begitu jumlah maksimum terhadap keluasan masjid berdasarkan penjarakan fizikal 1.5 meter. Contohnya jika masjid hanya mampu memuatkan 300 jemaah dengan penjarakan, maka jumlah maksimum 300 orang adalah terpakai.
 - ii. **Masjid kariah / institusi – Maksimum 200 orang** yang terdiri dari pegawai masjid dan jemaah dengan kaedah yang ditentukan oleh jawatankuasa. Walaupun begitu jumlah maksimum terhadap keluasan masjid berdasarkan

penjarakan fizikal 1.5 meter. Contohnya jika masjid hanya mampu memuatkan 150 jemaah dengan penjarakan, maka jumlah maksimum 150 orang adalah terpakai.

iii. **Surau - Maksimum 100 orang** yang terdiri dari pegawai surau dan jemaah dengan kaedah yang ditentukan oleh jawatankuasa. Walaupun begitu jumlah maksimum terhadap kepada keluasan surau berdasarkan penjarakan fizikal 1.5 meter. Contohnya jika surau hanya mampu memuatkan 50 jemaah dengan penjarakan, maka jumlah maksimum 50 orang adalah terpakai.

3. Jawatankuasa Masjid dan surau hendaklah **memastikan ventilasi dan sistem pengudaraan yang baik** di masjid dan surau bagi mengelakkan risiko jangkitan.

AKTIVITI PENGIMARAHAN YANG DIBENARKAN

4. **Aktiviti yang dibenarkan di masjid dan surau Negeri Melaka** dalam tempoh PPN fasa II adalah sebagaimana berikut:

- i. Pelaksanaan solat fardhu berjemaah di masjid dan surau;
- ii. Pengurusan dan solat jenazah di masjid dan surau;
- iii. Majlis akad nikah sebagaimana SOP yang ditetapkan JAIM;
- iv. Kuliah Maghrib pada waktu antara Maghrib dan Isyak;
- v. Kuliah Subuh pada waktu selepas Solat Subuh dalam tempoh waktu yang bersesuaian;
- vi. Tazkirah atau bacaan Yaasin sebelum Solat Jumaat;
- vii. Majlis Bacaan Yaasin dan tahlil pada waktu antara Maghrib dan Isyak pada hari Khamis malam Jumaat; dan
- viii. Aktiviti singgah solat di masjid dan surau;

5. Aktiviti kuliah Maghrib, Kuliah Subuh dan tazkirah yang dibenarkan hanya boleh disampaikan oleh tenaga pengajar tempatan yang tidak melibatkan aktiviti rentas negeri. Tenaga pengajar dari luar Negeri Melaka adalah dilarang.


KEPERLUAN JEMAAH YANG HADIR

6. Individu yang hadir hendaklah memenuhi keperluan berikut:
 - i. **Warganegara Malaysia dan penduduk tetap** adalah dibenarkan hadir menyertai aktiviti di masjid dan surau, **Warganegara asing tidak dibenarkan menyertai aktiviti di masjid dan surau;**
 - ii. **Individu yang berusia dua belas (12) tahun dan ke atas adalah dibenarkan hadir.** Kehadiran kanak-kanak di bawah usia 12 tahun adalah tidak digalakkan;
 - iii. **Individu yang mempunyai gejala** seperti demam, selsema, sesak nafas dan batuk adalah tidak dibenarkan hadir;
 - iv. Individu yang mencatatkan suhu badan lebih dari **37.5°C** tidak dibenarkan hadir;
 - v. Individu yang sedang dikenakan perintah kuarantin atau dikenalpasti sebagai kontak rapat pesakit Covid-19 adalah tidak dibenarkan hadir;
 - vi. Individu yang hadir hendaklah **sentiasa memakai penutup mulut dan hidung** semasa berada di masjid dan surau;
 - vii. Individu yang hadir **wajib mendaftarkan nama dalam MySejahtera** atau sistem pendaftaran yang disediakan oleh pentadbiran masjid dan surau setiap kali menghadiri aktiviti di masjid dan surau;

- viii. Individu yang hadir hendaklah menggunakan "hand sanitizer" yang disediakan;
- ix. Individu yang hadir mestilah berwudhuk terlebih dahulu di rumah sebelum hadir ke masjid atau surau;
- x. Individu yang hadir termasuk pegawai masjid **diwajibkan membawa sejadah sendiri bersaiz besar/standard;**
- xi. Mematuhi arahan jawatankuasa / petugas masjid dan surau. Bagi mereka yang tidak dapat solat Jumaat di masjid atau surau Jumaat, hendaklah menunaikan solat Zuhur di rumah.
- xii. Sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal dan mengelakkan dari berlaku 3S iaitu sesak, berkumpul di ruangan sempit dan sembang dekat;
- xiii. Tiada kontak fizikal dibenarkan seperti berjabat tangan sama ada sebelum atau selepas solat. Jemaah hendaklah bersegera meninggalkan masjid atau surau selepas selesai aktiviti.

TARIKH KUATKUASA

- 7. Ketetapan garis panduan pengimarah masjid dan surau ini **berkuatkuasa bermula 5 September 2021 sehingga apa-apa tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.**



DATO' CHE SUKRI CHE MAT

Pengarah

Jabatan Agama Islam Melaka

4 September 2021 / 26 Muharram 1443